

[Home](#) / [2025](#) / [November](#) /

UiTM Melaka Perkukuh Kepakaran Perlindungan Tanaman Melalui Program Summer Antarabangsa

## SINERGI

04/11/2025 / DR NURAINI MOHD NOOR



**JASIN, 29 Oktober 2025** — Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka telah menonjolkan kepakaran akademiknya melalui penganjuran aktiviti pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) yang berfokus kepada kawalan penyakit tanaman, serangga perosak dan rumpai dalam sistem pertanian mampan. Aktiviti ini merupakan sebahagian daripada pengisian **Summer Program Antarabangsa** yang telah berlangsung

dengan jayanya dari **17 hingga 30 September 2025** di Kampus Jasin.

Program ini telah menarik penyertaan seramai **33 peserta antarabangsa** daripada **8 buah negara** dan **11 universiti ternama**, termasuk Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universitas Jember (Indonesia), Can Tho University (Vietnam), Chiang Mai University (Thailand), dan Tashkent State Agrarian University (Uzbekistan).



Aktiviti kepakaran ini dikendalikan oleh tiga pakar utama dalam bidang perlindungan tanaman, iaitu **Dr. Nuraini Mohd Noor** (Pakar Penyakit Tanaman), **Dr. Fairuz Khalid** (Pakar Serangga Perosak), dan **Dr. Siti Nur Anisah Aani** (Pakar Kawalan Rumpai). Melalui demonstrasi lapangan dan sesi makmal, para peserta didedahkan kepada kaedah pengenalpastian penyakit dan serangga perosak tanaman, pemerhatian spesimen di bawah mikroskop, serta strategi **Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)** yang berteraskan pertanian tropika lestari.

Para peserta menyatakan rasa teruja dan bersemangat apabila berpeluang mempelajari pendekatan baharu dalam mengenal pasti penyakit serta perosak tanaman. Aktiviti ini telah memberi peluang kepada mereka untuk memahami konsep perlindungan tanaman secara mampan serta menghayati kepentingannya dalam menjamin **sekuriti makanan global**.

Sesi ini diakhiri dengan perbincangan interaktif mengenai isu-isu semasa berkaitan penyakit tanaman utama, kesan serangga perosak kepada hasil pertanian, serta teknologi terkini kawalan rumpai yang diamalkan di negara masing-masing. Perbincangan ini membuka ruang kepada perkongsian pengalaman sebenar di lapangan serta cabaran yang dihadapi oleh industri pertanian dalam menangani ancaman perosak tanaman.

Penganjuran aktiviti ini sekali lagi membuktikan komitmen FPA UiTM Melaka dalam memperkukuh peranannya di peringkat global sebagai peneraju ilmu dan inovasi dalam bidang perlindungan tanaman serta pembangunan sistem pertanian yang mampan dan berdaya tahan.

Penulis: Dr. Nuraini Mohd Noor

Editor : Dr. Siti Nur Anisah Aani



Tags: [Fakulti Perladangan dan Agroteknologi \(FPA\)](#), [Summer Program Antarabangsa](#), [UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

UiTM Sarawak and KnK Koffee Resources Launch First International Industry Webinar Under New MoU

UiTM Sarawak Jayakan Webinar Antarabangsa Polimer dan Perkukuh Kolaborasi Akademik Global

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +603-5544 2051 / 2000

